

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (61)  
Tarikh : 2 Februari 2016

**Ketua Pengarang  
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN SINAR HARIAN BERTAJUK "DUA BERADIK MAHU TERUS BERSEKOLAH" BERTARIKH 29 JANUARI 2016, JUMAAT – M.S: 39**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Selvaraju a/l Ganesan berkenaan dua orang anak angkat beliau yang masih belum memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.
3. Hasil semakan mendapati pengadu telah mengemukakan permohonan pendaftaran Lewat Kelahiran bagi Vikneswaran dan Satish Kumar di JPN Alor Setar pada 24.05.2015 tetapi permohonan tersebut tidak dapat diproses kerana tidak lengkap.
4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama serius daripada ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut untuk hadir di cawangan JPN yang berhampiran bagi membolehkan permohonan tersebut diproses dan dikeluarkan sijil lewat kelahiran berdasarkan peruntukan perundangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
  2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
  3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
  4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)